

10/09/2003

`Hadi, Nik Aziz berusaha tonjol diri siapa lebih baik'

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Tindakan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berterusan membuat pelbagai tuduhan hanya untuk menunjukkan siapa antara mereka lebih baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua pemimpin itu seperti berlumba-lumba dalam pertandingan mendapatkan populariti di kalangan ahli Pas serta sedia membuat sebarang bentuk tuduhan kepada mana-mana pihak.

"Sebenarnya tuduhan mereka adalah terhadap semua pihak kecuali diri mereka... orang lain semua tak betul, dia saja yang betul.

"Mereka (Abdul Hadi dan Nik Aziz) berusaha menonjolkan diri kepada pengikut mereka siapa antara mereka lebih baik," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd bagi pembelian hak, paten dan teknologi Malaysian Microchip (MM Chip) di Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas tuduhan bertali arus kedua-dua pemimpin Pas itu sejak beberapa hari lalu.

Sebelum ini media melaporkan Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu menggelar polis dan ulama Umno sebagai syaitan bisu.

Kemudian Nik Aziz dilaporkan menggelar Umno syaitan selain menyalahkan institusi pengajian tinggi kerana pelbagai masalah sosial. Beliau juga dikatakan mendakwa universiti tempatan melahirkan graduan tidak berakhlak serta punca kepada masalah jenayah.

Perdana Menteri yang diminta mengulas lanjut mengenai perlumbaan populariti antara kedua-dua pemimpin utama itu berkata: "Tidak perlu bersaing. Mereka kata tiada persaingan untuk kedudukan nombor dua... tidak perlulah bersaing langsung."

Mengulas lanjut mengenai tuduhan terhadap graduan itu, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Itu sebab saya lihat semua gambar di akhbar. Mesti ramai graduan universiti di Kelantan kerana mereka melakukan pelbagai jenis jenayah."

Ditanya sama ada Nik Aziz membuat semua tuduhan itu kerana marah anaknya ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas, Dr Mahathir berkata: "Mungkin... selepas mereka menamatkan pelajaran di Al-Azhar, mereka menjadi pengganas."

Cubaan mencari publisiti itu berikutan Pas akan mengadakan muktamarnya ke-49 Jumaat ini.

Akhbar ini semalam melaporkan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali dijangka menang jawatan Timbalan Presiden tanpa bertanding berikutan jawatan nombor dua itu dikosongkan oleh Abdul Hadi yang akan disahkan ke jawatan Presiden pada muktamar kali ini.